



KENYATAAN SEBUT HARGA MAHKAMAH NEGERI SELANGOR


Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebut Harga	Tajuk	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tarikh & Tempat Lawatan	Tarikh & Tempat Dokumen Boleh Diambil	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tarikh Dan Alamat Tutup Sebut Harga
MNS.(S).PTJ/SH/P/2/2024	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembaikan Kerosakan Ruang Dalaman & Lain – Lain Kerja Berkaitan Di Mahkamah Pembinaan Dalam Bangunan Mahkamah Tinggi Shah Alam, Mahkamah Negeri Selangor.	Berdaftar dengan CIDB, SPKK, STB dan ST Gred: G1 Kategori: B Pengkhususan: B04		17 Mei 2024 (Jumaat) 9.30 Pagi Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Bangunan Annexe Bangunan Mahkamah Negeri Selangor.	Pusat Tanggungjawab Sayap Kanan, Bangunan Mahkamah Negeri Selangor. Bermula 17 Mei 2024 sehingga tarikh tutup. *DIWAJIBKAN HADIR SESI TAKLIMAT	Percuma	Pusat Tanggungjawab Sayap Kanan, Bangunan Mahkamah Negeri Selangor. 23 Mei 2024 12.00 Tengah Hari

Dokumen sebut harga boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat. Dokumen Tawaran akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL ATAU KAD PERAKUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. SALINAN Sijil Pendaftaran PKK/Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor.

Tarikh tutup tidak lewat dari **Jam 12.00 Tengah hari pada tarikh tutup sebut harga**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Mahkamah Negeri Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Iklan di atas boleh juga dibaca dengan mengunjungi laman sesawang Mahkamah Negeri Selangor di alamat <http://selangor.kehakiman.gov.my> Sebarang pertanyaan berhubung perkara teknikal bolehlah menghubungi **Bahagian Pembangunan, Aset dan Stor** di talian **012-242 1535**. Untuk urusan dokumen sebut harga boleh hubungi **Unit Perolehan** di talian **03-5517 2013**.

* Jika tender/sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.


Mohd Nazrul Bin Ngaimin
b. p. Pengarah
Mahkamah Negeri Selangor